

A photograph showing six hands of different skin tones reaching towards the center from the edges of the frame. Each hand holds a single white puzzle piece. The hands are positioned in a circle, symbolizing teamwork and collaboration. The background is a warm-toned wooden surface.

Arplus⁺

TATAETIKA

01 Pengenalan dan takrifan		
1.1. Pengenalan.....	04	
1.2. Takrifan.....	05	
02 Prinsip Teras Applus+		
	06	
03 Tataetika Applus+		
3.1. Apakah tujuan Tataetika ini?.....	10	
3.2. Siapakah yang perlu mematuhi Tataetika?.....	11	
3.3. Jawatankuasa ESG dan Ketua Pegawai Pematuhan (CCO)...	12	
3.4. Komunikasi dan latihan.....	13	
3.5. Semakan Tataetika.....	13	
04 Bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan	14	
05 Prinsip kelakuan		17
5.1. Menghormati maruah di tempat kerja	18	
5.2. Menggalakkan Kepelbagaian, Keterangkuman dan Kesamaan dalam kalangan tenaga kerja kita	19	
5.3. Memberikan Komitmen terhadap Hak Asasi Manusia dan Penolakan Buruh kanak-kanak dan Perhambaan moden	20	
5.4. Mencegah risiko kesihatan dan keselamatan serta menghormati hak pekerja	21	
5.5. Perlindungan data dan privasi	22	
5.6. Mengendalikan maklumat sulit dan keselamatan siber	23	
5.7. Pembangunan lestari dan perlindungan alam sekitar	24	
5.8. Persaingan yang adil dan klien	25	
5.9. Menentang rasuah	26	
5.10. Pencegahan Penipuan dan Penyelewengan Lain	28	
5.11. Tanggungjawab sosial, penajaan dan derma	29	
5.12. Ketepatan maklumat dan penyimpanan rekod	29	
5.13. Pematuhan Peraturan Perniagaan dan Sekatan Ekonomi	30	
5.14. Integriti dalam perkhidmatan kita	31	
5.15. Konflik kepentingan	31	
5.16. Penggunaan sumber Applus+.....	33	



Tataetika kita dipandu oleh integriti dan keprofesionalan kita dalam membuat keputusan

1.1. Pengenalan



Tataetika kita dipandu oleh integriti dan keprofesionalan kita dalam membuat keputusan, dengan menetapkan beberapa prinsip umum yang sepatutnya membimbing tingkah laku harian kita sebagai ahli Applus+. Oleh itu, Tataetika ini memerihalkan rangka kerja yang bertujuan untuk menjangkaui pematuhan undang-undang semata-mata.

Kita semua tahu kepentingan bertindak secara berintegriti dan bertanggungjawab. Integriti membolehkan kita membina dan mengekalkan persekitaran lestari yang membuatkan kita berbangga menjadi sebahagian daripada Applus+ dan juga mengukuhkan aktiviti profesional kita. Selain itu, melalui pematuhan terhadap Tataetika ini, tingkah laku kita juga menyumbang kepada masyarakat yang lebih luas.

Pertumbuhan perniagaan dan pengekalan standard yang tinggi dari segi pengurusan dan pematuhan terhadap peraturan merupakan unsur yang saling memperteguh antara satu sama lain. Membina kepercayaan dengan orang ramai ialah proses yang beransur-ansur dan memerlukan usaha yang berterusan.

Christopher Cole
Pengerusi Applus+

Oleh itu, kita semua bertanggungjawab untuk melindungi reputasi Kumpulan, yang bermakna bertindak secara jujur dan melayani pihak berkepentingan kita, sama ada rakan kerjasama dalaman dan luaran, pelanggan, pemegang saham, rakan kongsi dan pembekal, secara adil dan jujur.

Kami mengharapkan sokongan dan komitmen penuh anda untuk membantu Applus+ kekal sebagai syarikat masa hadapan yang dibina atas nilai teras yang terkandung dalam Tataetika ini.

Kami mengharapkan dan menggalakkan anda agar membaca Tataetika ini dengan teliti, mengamalkan Tataetika ini dan kami mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan anda dalam pelaksanaan Tataetika dalam Kumpulan ini.

Dengan bantuan anda, Applus+ akan terus mencapai keyakinan yang kita semua miliki.



Joan Amigó
CEO Applus+

1.2. Takrifan

Anda akan menemukan takrifan beberapa istilah yang digunakan dalam Tataetika ini di bawah:

1

Applus+ atau Kumpulan bermaksud Applus Services, S.A. dan semua subsidiari serta syarikat yang mengambil bahagian, termasuk usaha sama dengan rakan kerjasama perniagaan yang lain, yang dikawal, secara langsung atau tidak langsung, oleh Applus+ Services, S.A.

2


CCO merujuk kepada **Ketua Pegawai Pematuhan**. Secara umumnya, tanggungjawab untuk menggalakkan dan memantau pematuhan Kumpulan terhadap Tataetika dan peraturan dalaman yang didasari Tataetika adalah di bawah CCO.

3

Warga Profesional Applus+ ialah semua pekerja dan individu lain yang memberikan perkhidmatan bagi pihak Applus+, tanpa mengira jenis perhubungan kontraktual mereka dengan Applus+. Dengan itu, warga profesional merangkumi pekerja, kontraktor bebas, pengurus, pegawai, pengarah dan kontraktor penyumberan luar pemprosesan perniagaan yang bekerja untuk Applus+.

4

Pihak Ketiga bermaksud, seperti yang ditakrifkan dalam Prosedur Antirasuah Global, mana-mana individu sah atau fizikal luar daripada Applus+, yang dibenarkan untuk bertindak bagi pihak Applus+, seperti ejen dan subkontraktor dan perunding tertentu.



Garis strategik kita yang distrukturkan di bawah rangka kerja global ESG adalah berdasarkan prinsip integriti, kesaksamaan, kemandirian dan tanggungjawab kita

Komitmen Applus+ terhadap pembangunan lestari

Kualiti perkhidmatan kita dan kejayaan perniagaan kita bergantung pada banyak pemboleh ubah, namun tanpa ragu-ragu, salah satunya adalah dengan bertindak secara adil dan jujur setiap hari sebagai **individu yang bertanggungjawab dari segi sosial**.

Kita sangat yakin dengan nilai **Tadbir Urus Alam Sekitar, Sosial dan Korporat (ESG)** yang dibawakan dalam konteks bahawa operasi perniagaan kita mewujudkan nilai menjangkui pulangan kewangan kita dengan membawa faedah langsung dan tidak langsung kepada masyarakat dan menjana impak positif yang ketara pada alam sekitar dan komuniti tempatan di tempat kita bekerja.

Applus+ komited untuk terus membawakan perniagaan yang bertanggungjawab dan lestari, dalam kedua-dua cara kita mengurus operasi kita (jangkaan pasukan, klien dan pelabur Applus+) dan dalam cara kita menyumbang kepada komuniti yang lebih luas dan dunia di sekeliling kita.

Sebagai Kumpulan global, kita menyedari bahawa operasi kita boleh melibatkan pelbagai bidang di lokasi dan dalam industri yang berbeza. Perasaan 'Perniagaan yang Baik' mengharapkan kita untuk bertindak sedemikian dan peka terhadap risiko yang wujud disebabkan aktiviti kita, menyatakan amalan perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab.

Kita amat yakin bahawa semua **inisiatif semasa dan masa hadapan yang dibangunkan di bawah payung ESG akan menyumbang terhadap penjanaan nilai jangka panjang kepada kita**, kepada pelanggan kita dan kepada pihak berkepentingan kita secara keseluruhan.

Garis strategik kita yang distrukturkan di bawah rangka kerja global ESG adalah berdasarkan prinsip **INTEGRITI, KETELUSAN, KESAKSAMAAN, KEMANDIRIAN dan TANGGUNGJAWAB** untuk memperkuuh pengurusan ESG merentasi organisasi dan memperteguh komitmen kita.

Kita meletakkan nilai tertinggi dalam hal ini agar kita berjaya mengembangkan perniagaan kita dan mewujudkan nilai yang tahan lama untuk semua pihak berkepentingan kita.



Komitmen kita terhadap kelestarian disalurkan melalui matlamat khusus yang disokong dan dilaksanakan oleh siri aktiviti yang distrukturkan kepada lima tonggak yang diperihalkan di bawah ini, yang mendasari nilai reputasi dan operasi kita dan sejajar dengan **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.**



Integriti: Kita percaya dan menggalakkan tindakan jujur dalam semua perhubungan dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai dengan tegas. Applus+ menghormati maruah setiap individu dan mengambil berat terhadap kesejahteraan dan keselamatan orang lain.



Ketelusan: Saling hormat-menghormati, mengadakan dialog dan ketelusan ialah atas kepada perhubungan kita. Hubungan dengan pihak berkuasa, entiti kawal selia dan agensi kerajaan haruslah dilakukan dengan mematuhi prinsip kerjasama, kejujuran dan keterbukaan.




Kesaksamaan dan kemandirian: Kita beroperasi dengan cara yang bebas, objektif dan berautonomi serta mengelakkan sebarang jenis rasuah atau konflik kepentingan yang boleh mempengaruhi pembuatan keputusan kita.



Tanggungjawab: Kita memastikan bahawa pekerja dan rakan kerjasama kita mempunyai tempat kerja yang selamat dan sihat untuk melaksanakan aktiviti mereka dan tempat kerja yang menghormati alam sekitar dan komuniti di tempat kita beroperasi.

Pada dasarnya, di Applus+, **kita bermatlamat untuk berkhidmat dengan integriti, kemandirian dan kesaksamaan dan untuk menjangkaui harapan mereka yang mempercayai produk dan perkhidmatan kita dalam cara yang bertanggungjawab.**

Peraturan dalam Tataetika mewakili standard minimum bagi tingkah laku beretika dalam Applus+ yang terpakai kepada semua negara, syarikat dan sistem perundangan



3.1. Apakah tujuan Tataetika?

Tataetika merupakan set peraturan mengikat yang mentakrifkan jangkaan tingkah laku dan menetapkan prinsip yang sepatutnya membimbing kelakuan Applus+ dan semua Warga Profesional Applus+ dalam menjalankan tugas mereka dan dalam perhubungan komersial dan profesional mereka.

Semua Warga Profesional Applus+ dikehendaki untuk mematuhi kelakuan yang diperihalkan dalam Tataetika ini.

Kod Etika kami ialah asas Sistem Pengurusan Pematuhan (CMS) Applus+. Peraturan dalam Tataetika mewakili standard minimum bagi tingkah laku beretika di Applus+ yang terpakai kepada semua negara, syarikat dan sistem perundungan. Tataetika ini, bersama-sama dengan peraturan pelaksanaannya, menyerlahkan **komitmen tegas yang dibuat oleh Applus+ untuk menggalakkan tanggungjawab ESG yang baik**.

Tataetika ini mungkin tidak dapat memberikan jawapan kepada setiap situasi dan dilema etika yang kita alami di tempat kerja. **Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita memahami dasar dan prosedur Applus+ dan untuk bertindak dengan integriti dan akal budi, dengan mematuhi prinsip teras Applus+ dalam setiap aspek kerja kita.**

Sekiranya anda mempunyai keraguan, Applus+ menyediakan **Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan (E&C)** kepada semua yang mesti mematuhi Tataetika, termasuk klien, pembekal dan rakan kerjasama perniagaan kita, yang diperihalkan dalam Seksyen 4 Tataetika ini.



3.2. Siapakah yang perlu mematuhi Tataetika?

Semua Warga Profesional Applus+ mempunyai kewajipan untuk mengetahui dan mematuhi Tataetika ini, tanpa mengira pangkat, lokasi atau Syarikat Applus+ tempat mereka menyediakan perkhidmatan. **Setiap Warga Profesional Applus+ mesti membuat aku janji secara tersurat untuk mematuhi Tataetika ini.** Atas sebab ini, Applus+ memberi mereka akses kepada Tataetika ini dan latihan khusus tentang Tataetika. Kegagalan untuk membaca Tataetika kita, untuk melengkapkan latihan pematuhan atau untuk menandatangani sebarang perakuan yang berkaitan, tidak melepaskan Warga Profesional Applus+ daripada tanggungjawabnya untuk mematuhi Tataetika ini.

Menghormati dan mematuhi Tataetika ini, di samping memberikan komitmen terhadap nilai Applus+ perlu dipertimbangkan dalam setiap kes untuk kenaikan pangkat di Applus+. **Tiada pelanggaran Tataetika yang boleh dijustifikasi.** Tiada Warga Profesional Applus+ yang boleh menjustifikasikan kelakuan yang bertentangan dengan peruntukan Tataetika dalam pergantungan terhadap arahan daripada pihak atasan atau pengetahuan tentang kelakuan oleh pihak atasan tersebut. Juga, dalam kes sedemikian, **Warga Profesional Applus+ mesti melaporkannya melalui Saluran Komunikasi E&C.**

Kejayaan Tataetika bergantung pada komitmen kita semua tetapi tanggungjawab untuk mematuhi peruntukan Tataetika ini dengan tegas adalah amat penting pengarah dan pengurus.

Prosedur perekrutan dan pemilihan bagi pengarah dan pengurus mempertimbangkan merit, keupayaan dan komitmen mereka terhadap nilai Tataetika ini. Tahap penunaian kewajipan yang disenaraikan di atas diambil kira dalam kedua-dua keputusan penilaian prestasi dan kenaikan pangkat dan juga dalam penentuan gaji mereka.

Kami mengharapkan para pelanggan, rakan kerjasama perniagaan dan pembekal untuk bersikap profesional dan jujur serta mengamalkan prinsip teras kita. Untuk mencapai matlamat ini, Applus+ komited untuk memupuk amalan yang selaras dengan Tataetika kita dalam kalangan mereka. Berdasarkan prosedur Antirasuah Global, Pihak Ketiga hendaklah membuat aku janji untuk mematuhi Tataetika kita.

Applus+ menghendaki semua pengarah dan pengurus:

- Memupuk budaya etika dan pematuhan dalam kerja seharian mereka
- Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pematuhan yang tegas terhadap Tataetika
- Mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyelia mereka yang berada di bawah kuasa mereka untuk mematuhi Tataetika

- Memilih dan menaikkan pangkat pekerja dan rakan kerjasama mereka menurut, antara kriteria lain yang berkaitan, **integriti, kelayakan** dan **prestasi kerja** mereka
- Mendapatkan panduan daripada CCO sekiranya ragu-ragu tentang penggunaan atau tafsiran Tataetika kita
- Melaporkan sebarang pelanggaran Tataetika yang benar-benar atau **disyaki telah berlaku dengan serta-merta**, termasuk pelanggaran yang diberitahu oleh orang lain kepada mereka

3.3. Jawatankuasa ESG dan Ketua Pegawai Pematuhan (CCO)

Lembaga Pengarah Applus+ telah mengamanahkan Jawatankuasa ESG untuk menggalakkan pelaksanaan **Dasar ESG bagi Kumpulan** dan secara khususnya, pengurusan **hal ehwal ESG, tanggungjawab, etika dan ketelusan ESG**.

CCO, di bawah arahan dan penyeliaan Jawatankuasa ESG, mesti mengambil tindakan yang perlu untuk menggalakkan Tataetika dan memantau bahawa semua Warga Profesional Applus+ mematuhiinya.

Maka, CCO bertanggungjawab untuk:



Menyebarluaskan kandungan Tataetika, mereka bentuk dan mengendalikan **latihan pematuhan** yang diperlukan.



Mempromosikan dan menyelaraskan pengamalan Tataetika oleh pelbagai syarikat Kumpulan.



Meningkatkan dan menggalakkan kelulusan dasar dan prosedur dalaman sebagaimana perlu bagi pelaksanaan nilai kita dengan berkesan.



Menerima dan mengendalikan pertanyaan dan aduan berkaitan Tataetika kita dan laporan tentang ketaklaziman yang mungkin berlaku.



Menyiasat sebarang pelanggaran Tataetika dan mengambil bahagian dalam cadangan tindakan yang akan diambil, sama ada tindakan disiplin dan selainnya.



Menjalankan penilaian risiko yang diperlukan untuk menilai keperluan mengemas kini Tataetika.



Menyelia dan memantau pematuhan dan pelaksanaan Tataetika yang betul, tanpa prejedis terhadap tugas Audit Dalaman dan bantuannya jika perlu.

Setiap tahun CCO akan menyediakan dan menyerahkan kepada **Jawatankuasa ESG** suatu **laporan tahunan tentang semua tindakan yang dijalankan demi mematuhi kewajipan yang disenaraikan di atas** untuk menilai tahap Pematuhan terhadap Tataetika.

3.4. Komunikasi dan latihan



Applus+ memberi Warga Profesional Applus+ dan Pihak Ketiga salinan Tataetika ini pada waktu mula bekerja atau hubungan komersial dengan Applus+. Pada waktu itu, Warga Profesional Applus+ dan Pihak Ketiga hendaklah secara tersurat memberikan komitmen untuk mematuhi Tataetika.

CCO bertanggungjawab untuk menggalakkan penyebaran **kandungan Tataetika dalam kalangan Warga Profesional Applus+, klien, pembekal dan rakan kerjasama perniagaan**. Dalam hal ini, CCO mestи membangunkan, dan memastikan kekinian, pelan latihan dan komunikasi dalaman untuk meningkatkan pengetahuan dalam kalangan Warga Profesional Applus+.

Warga Profesional Applus+ mempunyai **kewajipan yang mengikat** untuk menghadiri latihan berkala tentang Tataetika dan, jika berkenaan, tentang peraturan yang membangunkannya.

3.5. Semakan Tataetika

Tataetika akan disemak dan dikemas kini secara berkala. **Jawatankuasa ESG, Jabatan Audit Dalaman dan CCO** hendaklah dapat membuat cadangan untuk menambah baik Tataetika. Sebarang semakan Tataetika akan memerlukan kebenaran Jawatankuasa ESG dan Lembaga Pengarah.





**Kita semua bertanggungjawab
untuk mengamalkan nilai
Applus+ dan melindunginya
daripada kelakuan tidak beretika**

Kita semua bertanggungjawab untuk **mengamalkan nilai Applus+ dan melindunginya daripada tingkah laku tidak beretika**. Oleh itu, penting untuk kita semua berasa bebas untuk bertanya soalan atau mengemukakan kebimbangan, jika kita tidak pasti tentang tindakan yang perlu diambil atau jika ada yang dirasakan tidak betul.

Bertanyakan soalan

Jika anda mempunyai keraguan berkaitan Tataetika ini, anda boleh mendapatkan **nasihat daripada pihak atasan anda atau daripada jabatan Pematuhan Applus+**. Selain itu, **Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan (E&C) digunakan** Applus+ tersedia kepada semua Warga Profesional Applus+ serta klien, pembekal dan rakan kerjasama perniagaan kita, untuk menyampaikan sebarang soalan atau keraguan berkenaan tafsiran dan pengamalan Tataetika.

Semua soalan dialu-alukan dan akan dikendalikan tanpa lengah dan dengan cara yang sensitif.

CCO bertanggungjawab untuk mengurus Saluran E&C dan menghalakan semula keraguan yang tidak berkaitan dengan Tataetika kepada individu yang sesuai.

Cara mengakses Saluran Komunikasi E&C

Komunikasi kepada **Saluran Komunikasi E&C** boleh dihantar dengan melengkapkan borang elektronik yang tersedia dalam Intranet global Applus+ berikut serta dalam seksyen **laman web Applus+** yang berikut.



Mengemukakan kebimbangan

Semua Warga Profesional Applus+ serta Pihak Ketiga boleh membuat laporan melalui **Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan (E&C)** sebarang petunjuk atau pengesyakian yang munasabah tentang sebarang tindakan atau pengabaian yang melanggar peraturan yang ditetapkan dalam Tataetika ini. Bersuara bukanlah secara pilihan. Jika anda percaya bahawa Tataetika, **peraturan dalaman Applus+ atau undang-undang mungkin dilanggar, anda mesti mengemukakan kebimbangan anda tanpa berlengah.**

Jika aduan berkaitan dengan CCO atau jabatan Kepatuhan Kumpulan, ia boleh dilaporkan terus kepada Peguam Besar, yang akan mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah ini.

Semua komunikasi hendaklah dibuat dengan itikad baik dan berdasarkan alasan yang munasabah. Alasan yang munasabah merujuk kepada fakta atau petunjuk daripada mana kesimpulan yang munasabah boleh ditarik bahawa suatu tindakan atau kelalaian yang melanggar peraturan dalam Kod ini telah berlaku.


Untuk memberikan keselamatan dan perlindungan maksimum kepada individu yang melaporkan pelanggaran, Applus+ memberikan komitmen untuk:

- Menghalang, menyiasat dan bertindak terhadap sebarang jenis gangguan atau tindakan balas terhadap individu yang membuat laporan (atau orang yang mempunyai hubungan dengan individu yang membuat laporan).
- Mematuhi undang-undang buruh dan perlindungan data yang berkenaan dan dasar dalaman yang terpakai.
- Memastikan kerahsiaan dan/atau kerahsiaan pemberi maklumat sepanjang penyiasatan

Menurut **Polisi Applus+ tentang Sistem Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan serta Perlindungan Pemberi Maklumat**, CCO bertanggungjawab untuk mengurus Saluran Komunikasi E&C dan oleh itu, hendaklah memproses sebarang kebimbangan yang dilaporkan melalui saluran ini. Maka, CCO akan mengarahkan dan menyelaraskan sebarang siasatan dan semua Warga Profesional Applus+ perlu mengikuti arahan CCO berkenaan hal itu.

Tataetika ini dan dasar yang berkaitan bukan sekadar "amalan terbaik" atau pengesyoran. Pematuhan Tataetika adalah mandatori. Oleh itu, sebarang pelanggaran boleh mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan sehingga dan termasuk, sekiranya berlaku, penamatian hubungan profesional, selaras dengan undang-undang dan amalan yang terpakai.





**Prinsip kelakuan kita
datang daripada prinsip
teras Applus+**

Applus⁺

Applus⁺

Prinsip kelakuan yang datang daripada prinsip teras Applus+ disenaraikan dalam seksyen Tataetika ini.

5.1. Menghormati maruah di tempat kerja

Komitmen Applus+ kepada nilai dalam Tataetika ini tidak akan mempunyai kredibiliti jika nilai ini tidak dicerminkan dalam hubungan pekerjaan berdasarkan **menghormati maruah setiap pekerja**. Hubungan pekerjaan itu hendaklah bebas daripada sebarang penyalahgunaan kuasa atau sebarang kelakuan yang mungkin amat menyenggung perasaan orang lain.

Applus+ beroperasi dalam pelbagai budaya, dengan adat berbeza yang perlu kita pelajari dan hormati, **bertindak dalam cara yang menghormati dan menurut norma sosial yang berbeza**.

Dasar Antidiskriminasi kita memfokus terhadap pencegahan sebarang jenis diskriminasi dalam keputusan pengambilan pekerja, kenaikan pangkat profesional, aturan tempat kerja atau tindakan disiplin.

Applus+ membantah semua bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau tidak adil.

Tindakan membuli dan mengganggu di tempat kerja, termasuk gangguan seksual, merupakan tingkah laku yang tidak boleh diterima dan hendaklah dilaporkan oleh setiap orang.

5.2. Menggalakkan Kepelbagaian, Keterangkuman dan Kesamaan dalam kalangan tenaga kerja kita

Applus+ benar-benar percaya akan persekitaran kerja yang pelbagai dan terangkum, tepat setiap individu boleh berkembang secara peribadi dan profesional. **Setiap individu adalah unik dan kita mahu semua orang berprestasi paling baik** untuk memastikan agar tenaga kerja kita berkembang dan kekal pelbagai dalam aspek budaya, jantina, generasi, keupayaan dan kapasiti lain, kerana Applus+ menghargai perbezaan.

Kepelbagaian menjadikan kita lebih kukuh sebagai sebuah syarikat dan membantu kita menyediakan tempat kerja yang lebih baik dan terangkum untuk bekerja. Kita semua bertanggungjawab untuk menyokong, menggalakkan dan menyumbang kepada tempat kerja yang pelbagai.

Kepelbagaian berperanan besar terhadap prestasi, nilai dan persekitaran kerja kita yang berorientasikan pasukan.

Applus+ dengan bangganya menyokong **Dasar Kepelbagaian dan Kesamaan** kita yang berfokus pada menggalakkan prinsip kepelbagaian dan kesamaan untuk membina tempat kerja yang lebih baik bersama-sama. Applus+ juga terlibat dalam beberapa projek yang menggalakkan **Kepelbagaian, Keterangkuman dan Kesamaan** di seluruh syarikat Kumpulan Applus+.



5.3. Memberikan komitmen kepada Hak Asasi Manusia dan Penolakan Buruh kanak-kanak dan Perhambaan moden

Sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap **Sepuluh Prinsip Impak Global Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu**, Applus+ menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisyiharkan di peringkat antarabangsa dan untuk membantu pencegahan dan menghentikan kemungkinan pencabulan hak ini.



United Nations
Global Compact

Dalam perihal berkaitan buruh kanak-kanak, Applus+ percaya bahawa **eksploitasi kanak-kanak adalah keji dan bertentangan dengan kepercayaan kita** sebagai syarikat yang semua orang berhak terhadap hak asasi manusia asas seperti akses kepada pendidikan. Oleh itu, semua pejabat dikehendaki untuk mematuhi undang-undang tempatan berkaitan umur bekerja/lepasan sekolah yang minimum, dengan mana-mana ketidakpatuhan terhadap hal ini akan ditangani segera oleh pihak pengurusan pada semua peringkat.



Applus+ mengutuk tindakan memperhambakan dan menyeludup orang atau sebarang tanggapan bahawa aktiviti sedemikian berlaku. **Buruh paksa atau wajib dilarang sama sekali**. Pekerja tidak boleh dipaksa melakukan kerja secara paksaan atau tanpa rela.

Ini tidak harus dikelirukan dengan **Pengalaman Kerja, Program Intern atau Perantisan yang direka bentuk untuk memberikan pengalaman yang bernilai kepada orang muda**. Program sedemikian akan dilaksanakan dalam cara yang formal untuk memastikan kebajikan individu yang berkaitan.



Perhambaan moden ialah suatu jenayah dan merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang asas. Semua jenis perhambaan moden melibatkan perampasan kebebasan seseorang oleh orang yang lain dengan tujuan hendak mengeksplotasi mereka untuk keuntungan peribadi atau dagangan. Applus+ komited untuk menyokong penyingkiran sebarang bentuk Perhambaan Moden dan memenuhi sepenuhnya kewajipannya di bawah semua keperluan perundangan yang berkaitan.

5.4. Mencegah risiko kesihatan dan keselamatan serta menghormati hak pekerja

Membentuk persekitaran kerja yang sihat dan menghormati maruah pekerja termasuk **menghormati hak pekerja**. Kumpulan kita akan menghormati standard antarabangsa yang dipromosikan oleh Organisasi Buruh Antarabangsa di mana-mana sahaja kita beroperasi. **Applus+ mengiktiraf kebebasan berpersatuan**, yang bermakna bahawa semua orang dalam organisasi kita berhak untuk bersekutu dengan kesatuan sekerja dan berhak untuk tawar-menawar secara kolektif.

Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Applus+ mencegah risiko dan menggalakkan Kesihatan dan Keselamatan di tempat kerja.

Applus+ mengambil berat dan melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan Warga Profesionalnya dan semua Warga Profesional mempunyai hak untuk mencabar dan kuasa untuk menghentikan kerja pada bila-bila masa mereka mempunyai kebimbangan tentang keselamatan. Seterusnya, **semua Warga Profesional Applus+ mempunyai kewajipan untuk mengetahui dan mematuhi dasar dan prosedur Kesihatan dan Keselamatan Kumpulan** dan memastikan keselamatan mereka sendiri serta keselamatan semua orang yang mungkin terjejas oleh aktiviti mereka.



5.5. Perlindungan dan privasi data

Mengurus sebarang perniagaan pada hari ini memerlukan perlindungan data peribadi dalam konteks **pelbagai operasi perniagaan harian** yang bergantung pada aktiviti pemprosesan data yang berbeza. Berdasarkan pertimbangan ini, Applus+ akan sentiasa berusaha untuk **melindungi individu dan hak asasi mereka**.

Walaupun undang-undang berkaitan perlindungan data berbeza-beza di negara tempat kita beroperasi, semua Warga Profesional Applus+ mesti menghormati peraturan asas ini:

-  **Akses kepada sebarang fail Warga Profesional Applus+ adalah terhad**, menurut Dasar Kumpulan tentang penggunaan sumber IT.
-  Data peribadi hanya boleh dikumpulkan dan difaillkan mengikut keperluan dan untuk mencapai **tujuan perniagaan yang sah** dan maklumat tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan pengumpulan data tersebut.
-  Data peribadi mana-mana Warga Profesional Applus+ boleh diakses semasa siasatan **apabila terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa Warga Profesional itu telah melanggar Tataetika**, menurut undang-undang dan dasar dalaman yang terpakai.
-  Selaras dengan dasar dalaman, data peribadi yang diproses oleh Syarikat boleh didedahkan atau dijadikan tersedia kepada pihak ketiga, antara lainnya, **untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang dikenakan terhadap Applus+**, jika perlu bagi menjalankan kontrak atau untuk tujuan kepentingan sah yang diusahakan sama ada oleh Applus+ atau oleh pihak ketiga kecuali apabila kepentingan tersebut diatasi oleh kepentingan atau hak asasi dan kebebasan subjek data. Applus+ juga boleh berkongsi data peribadi dalam simpanannya jika diperlukan oleh pihak berkuasa yang kompeten atau setakat yang subjek data telah memberikan persetujuan kepada pendedahan seumpamanya.

Sebarang penunjuk yang munasabah atau disyaki terhadap kebocoran atau pelanggaran (sama ada secara sengaja atau tidak sengaja) maklumat peribadi atau sulit atau penggunaan peribadi maklumat sedemikian, mesti dilaporkan oleh mereka yang mempunyai pengetahuan tentangnya dengan segera melalui Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan (E&C).

5.6. Mengendalikan maklumat sulit dan keselamatan siber

Semua Warga Profesional Applus+ mesti menganggap semua maklumat terpelihara yang dapat mereka akses disebabkan aktiviti profesional mereka di Applus+ sebagai sulit sepenuhnya. Disebabkan aktiviti kita, **kita mempunyai akses kepada maklumat sensitif pembekal dan klien yang mesti kita lindungi dan gunakan dengan sewajarnya**. Ini termasuk kewajipan untuk tidak mendedahkan maklumat sulit tanpa memenuhi syarat yang berkenaan atau menggunakan maklumat tersebut dengan cara yang tidak wajar. Kewajipan kerahsiaan ini akan berterusan sehingga tamat pekerjaan atau perhubungan kontraktual seputar yang terpakai.

Selain itu, Warga Profesional Applus+ hendaklah mengelakkan daripada menerima manfaat peribadi daripada peluang yang mereka sedari sebagai hasil akses kepada maklumat sulit dalam urusan pekerjaan mereka. **Dasar Keselamatan Maklumat Applus+ menyatakan kewajipan ini dengan lebih terperinci.**

Sebarang maklumat sulit atau bukan awam syarikat tersenarai, termasuk Applus+, tidak boleh digunakan dengan tujuan untuk melaksanakan (atau mengesyorkan pihak ketiga untuk berbuat demikian) secara langsung atau tak langsung sebarang jenis urus niaga dalam saham, terbitan kewangan atau sebarang sekuriti lain milik mereka. **Peraturan Dalaman untuk kelakuan dalam Pasaran Sekuriti yang ditetapkan untuk peraturan yang terpakai kepada Warga Profesional Applus+ tertentu.**

Maklumat sulit mungkin termasuk:

Rahsia Perniagaan atau Perdagangan Applus+ atau pihak ketiga, seperti dasar penentuan harga, projek penyelidikan, pangkalan data pelanggan, maklumat perakaunan atau kewangan, pengetahuan, rancangan pembangunan perniagaan atau sebarang bahan yang bertanda "sulit".

Ancaman siber dan risiko keselamatan siber telah menjadi lebih serius dan rumit kerana penggodam menggunakan kaedah yang lebih canggih untuk mendapatkan akses haram kepada sistem dan data organisasi. Oleh itu kita wajib berjaga-jaga terhadap ancaman ini. Untuk melindungi maklumat peribadi dan sulit serta pengetahuan kita, **Applus+ mengambil setiap langkah yang munasabah** untuk mengelakkan akses, pendedahan atau penyalahgunaan yang tidak dibenarkan terhadap semua aktiviti perniagaan kita dan setiap bentuk komunikasi.

Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan siber dan kita mesti meluangkan masa untuk memahami perkara yang perlu kita lakukan untuk melindungi rangkaian, sistem, peranti dan maklumat yang kita gunakan setiap hari.

Applus+ memiliki pasukan yang berdedikasi untuk memberikan respons kepada pelbagai jenis kejadian dan telah membuat rancangan dan prosedur untuk memastikan perniagaan kita beroperasi dan membolehkan pasukan kita pulih daripada serangan siber. Perkara ini merupakan bahagian utama dalam melindungi data Applus+ dan klien serta menyampaikan tahap perkhidmatan klien yang tertinggi.

5.7. Pembangunan lestari dan perlindungan alam sekitar

Syarikat kita komited terhadap **KELESTARIAN**, yang difahami sebagai keupayaan memenuhi keperluan kita sendiri, tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka pula.

KOMITMEN ALAM SEKITAR Kumpulan dipacu oleh fokus untuk mencegah dan **meminimumkan kemungkinan impak terhadap perubahan iklim dan alam sekitar yang disebabkan oleh operasi kita**, di samping memfokus pada perkhidmatan yang kita berikan untuk merendahkan atau mengurangkan impak terhadap pelanggan kita.

Dalam operasi kita sendiri, kita komited untuk mengurangkan kesan kita terhadap alam sekitar melalui pengurangan penggunaan tenaga di tapak kita, menggunakan sumber tenaga boleh dibaharui, melaksanakan amalan ‘hijau’ pengurusan sisa dan mengendalikan sistem pengurusan kualiti dan alam sekitar.



5.8. Persaingan yang adil dan klien

Sebarang bentuk persetujuan dengan pesaing kita yang menyalahi undang-undang dilarang sama sekali. Sentiasa berhati-hati apabila berhubungan dengan para pesaing.

Kita yakin bahawa rasuah mempunyai kesan negatif bukan sahaja terhadap syarikat itu sendiri, tetapi terhadap semua pihak dalam syarikat dan terhadap masyarakat secara keseluruhan. Hal ini juga membawa kepada kehilangan kecekapan dan kredibiliti. Syarikat kita mengambil pendirian toleransi sifar terhadap amalan rasuah.

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang antirasuah, sila hubungi CCO dengan segera melalui Saluran Komunikasi Etika & Pematuhan (E&C).

Di Applus+, kita percaya bahawa inovasi dan pematuhan **terhadap undang-undang antitrust dan persaingan yang tidak adil ialah asas untuk pertumbuhan ekonomi**. Oleh itu, perkara yang berikut dilarang sama sekali:

- Perjanjian yang menyalahi undang-undang dengan tujuan **untuk berkongsi pasaran atau menetapkan harga atau penipuan bida** dalam sektor awam atau swasta.
- **Penggunaan tidak wajar dan/atau pendedahan rahsia perdagangan, maklumat sulit atau hak harta intelektual** (seperti tanda dagangan, hak cipta dan paten) yang dimiliki oleh pihak ketiga.
- Membuat sebarang jenis tawaran atau pengiklanan dengan **maklumat yang tidak benar** atau yang boleh mengelirukan atau menipu bagi klien.

Dasar Persaingan kita memberikan maklumat tentang undang-undang persaingan dan panduan kepada pekerja kita untuk mengenal pasti situasi sensitif dan cara undang-undang berkenaan boleh mempengaruhi tingkah laku mereka semasa berurusan atau berkaitan dengan pesaing.



5.9. Menentang rasuah

Applus+ mematuhi **undang-undang kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan pencegahan rasuah** di semua negara tempat kita beroperasi.

Justeru, Warga Profesional Applus+ dan Pihak Ketiga bertanggungjawab untuk mengelakkan sebarang amalan rasuah. Applus+ telah melaksanakan [Dasar dan Prosedur Antirasuah Global](#) untuk semua negara tempat kita beroperasi.

Dasar dan prosedur ini melarang aktiviti berikut:

1

Menjanjikan atau memberikan sebarang yang bernilai kepada penjawat awam atau pekerja syarikat lain untuk mendapatkan **layanan atau manfaat yang tidak wajar**.

2

Memberikan apa-apa yang bernilai kepada penjawat awam atau pekerja syarikat lain **melebihi had khusus yang ditetapkan dalam dasar kita** atau tanpa mematuhi prosedur Antirasuah Global.

3

Meminta atau menerima sebarang yang bernilai daripada syarikat lain **untuk memberikan manfaat yang tidak wajar** kepada syarikat tersebut atau pihak ketiga.

4

Menggunakan perhubungan peribadi dengan **pegawai awam, ahli keluarganya atau dengan pegawai atau ahli rasmi parti politik** dalam cara yang tidak wajar untuk mendapatkan layanan yang menguntungkan atau manfaat yang tidak wajar untuk Applus+.

5

Mewujudkan perhubungan perniagaan dengan Pihak Ketiga yang bertindak bagi pihak Applus+ **tanpa pengesahan integriti profesional mereka** dan **keupayaan mereka untuk mematuhi Dasar Antirasuah kita terlebih dahulu**.

6

Membuat bayaran kepada penjawat awam, selain cukai, tugas atau bayaran rasmi, walaupun jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan, **untuk mendapatkan kebenaran atau untuk mempercepat atau memudah cara prosiding pentadbiran**.

Di sesetengah negara atau kawasan geografi, Applus+ mungkin melaksanakan Dasar Antirasuah khusus, yang akan mematuhi peruntukan dasar umum.

Applus+ tidak menggalakkan Warga Profesionalnya dan Pihak Ketiga memberikan atau menerima hadiah atau keraian bagi pihak Applus+. **Penerimaan atau pemberian sebarang hadiah atau keraian hendaklah mematuhi Prosedur Antirasuah Global.**

Apa-apa yang bernilai boleh merupakan:



Wang tunai atau kad hadiah

Hadiah

Jemputan ke acara atau aktiviti santai (acara sukan, perburuan dll.)

Makanan dan perbelanjaan perjalanan

Tawaran kerja untuk ahli keluarga atau rakan karib

Pembatalan hutang

Sebelum terlibat dalam sebarang aktiviti melobi dengan pihak berkepentingan, pastikan anda berunding dengan Jabatan Undang-undang, melainkan anda telah ditetapkan secara khusus untuk berbuat demikian oleh syarikat.

5.10. Pencegahan Penipuan dan Penyelewengan Lain

Penipuan difahamkan **sebagai sebarang perbuatan yang dilakukan melalui penipuan, dengan niat untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau korporat.**

Penipuan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, dan tiada profil tipikal. Ia boleh dijalankan oleh **individu atau bekerjasama dengan orang lain.**

Ia boleh dilakukan secara dalaman oleh Applus+ Professionals atau Pihak Ketiga, atau **secara luaran** oleh pembekal, pelanggan atau orang lain.

Beberapa contoh tindakan penipuan termasuk:

- **Manipulasi penyata kewangan dengan sengaja**
- **Penyelewengan (cth., kecurian wang tunai sebelum direkodkan dalam buku syarikat)**
- **Penyelewengan dana pelanggan**
- **Maklumat jualan atau perbelanjaan yang melambung tinggi, mengelirukan atau tidak tepat**
- **Pemalsuan atau pengubahan dokumen (cth., cek atau kebenaran)**
- **Penjualan maklumat pelanggan**
- **Membantu atau menghasut orang lain untuk melakukan penipuan**



Applus+ mempunyai dasar untuk memerangi penipuan, seperti [Anti-Money Laundering Policy](#) dan [Employee Expense Claim Policy](#).

Penipuan mempunyai akibat negatif bagi setiap daripada kita. Jabatan Pematuhan, Audit Dalaman dan Kawalan Dalaman bekerjasama rapat dalam mengesan, mencegah dan memerangi pelbagai jenis penipuan. Walau bagaimanapun, **adalah menjadi tanggungjawab semua orang untuk berwaspada terhadap sebarang aktiviti luar biasa, memantau dengan teliti sebarang transaksi kewangan yang mencurigakan, dan melaporkan sebarang kebimbangan** melalui [Ethics & Compliance Communication Channel](#).

5.11. Tanggungjawab sosial, penajaan dan derma

Sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab, **Applus+ menggalakkan budaya, sains dan seni melalui aktiviti tajaan dan derma**. Di Applus+, kita percaya sepenuhnya bahawa kita sepatutnya membantu masyarakat di sekeliling kita.

Sebarang penajaan atau derma mestilah mempunyai tujuan yang sah, mesti secara rasmi dan bertulis dan diluluskan menurut [Prosedur Antirasuah Global](#).

Memberikan sumbangan kepada parti politik atau kesatuan perdagangan bagi pihak Applus+, di mana-mana sahaja di dunia adalah dilarang sama sekali.



5.12. Ketepatan maklumat dan penyimpanan rekod

Menjamin integriti, kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat ini merupakan tanggungjawab semua orang. **Kita mesti memastikan ketepatan dan kebenaran maklumat yang kita sediakan** kepada pemegang saham kita, kepada pasaran yang saham kita disenaraikan dan agensi kawal selianya serta kepada mana-mana pengurus tadbir awam.

Warga Profesional Applus+ hendaklah tidak sekali-kali dengan sengaja memberikan maklumat yang tidak betul.

Applus+ juga membuat aku janji untuk memberikan maklumat yang mencukupi, benar dan objektif tentang evolusi Kumpulan kepada pemegang sahamnya. **Semua urus niaga kewangan Applus+ mesti didokumenkan dan direkodkan dengan jelas dan tepat.**



5.13. Pematuhan Peraturan Perniagaan dan Sekatan Ekonomi

Kumpulan Applus+ beroperasi di seluruh dunia, **memenuhi keperluan pelanggannya**, sebagai sebahagian daripada **pertumbuhan dan pengembangan berterusannya**. Applus+ menyedari bahawa proses ini adalah penting dan mungkin melibatkan operasi di negara berisiko tinggi atau menahan diri daripada beroperasi di negara atau kawasan tertentu dalam keadaan tertentu.

Kehadiran antarabangsa kami memerlukan kami **memahami dan mematuhi bukan sahaja undang-undang tempatan tetapi juga undang-undang perniagaan negara tempat kami beroperasi.**

Applus+ komited sepenuhnya untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan perdagangan rentas sempadan, serta sekatan dan kawalan eksport.

Sebelum terlibat dalam sebarang operasi perdagangan rentas sempadan, sila rujuk kepada [Applus+ Sanctions and Export/Import Control Policy](#).

Sebelum memulakan operasi di negara baharu, sila ikut garis panduan yang digariskan dalam [Applus+ Global Policy for Operating in a New Country](#).



5.14. Integriti dalam perkhidmatan kita

Perkhidmatan kita mesti dibawakan **dalam cara yang profesional, mandiri dan saksama**, mengikut kaedah, prosedur, amalan dan dasar Applus+ dan undang-undang negara masing-masing. Cadangan, pendapat profesional, data, hasil dan umumnya sebarang fakta yang dinyatakan mesti didokumenkan dengan teliti, dengan mematuhi dasar dan protokol dalaman.

Laporan dan perakuan hendaklah termasuk hasil dan dapatan yang objektif dan benar, di samping pendapat warga profesional yang berkaitan. **Applus+, dalam menyediakan perkhidmatannya, mematuhi dan mengelakkan sebarang jenis sekatan atau had perundangan terhadap perkhidmatan yang boleh disediakkannya dengan tegas, mengikut [Dasar Konflik Kepentingan Global](#) dan peraturan dalaman lain yang berkenaan.**



5.15. Konflik kepentingan

Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi Warga Profesional Applus+ adalah atau boleh adalah, secara langsung atau tidak langsung, bertentangan dengan kepentingan Kumpulan. **Risiko yang perlu dielakkan ialah kepentingan peribadi yang mungkin akan diperoleh Warga Profesional Applus+ dalam senario tertentu akan mempengaruhi pembuatan keputusannya bagi pihak Applus+, yang sepatutnya sentiasa berusaha untuk kepentingan terbaik Kumpulan.** Oleh itu, dalam rangka kerja perhubungan profesional dengan Applus+, Warga Profesional dengan kapasiti membuat keputusan atau pengaruh hendaklah meletakkan kepentingan Kumpulan sebelum kepentingan peribadi mereka. Warga Profesional Applus+ mempunyai kewajipan kesetiaan terhadap Applus+ maka, umumnya, **mereka mesti mencegah dan mengelakkan daripada berada dalam situasi konflik kepentingan.**

Hal ini merangkumi mereka untuk mengambil langkah perlu agar konflik kepentingan tidak berlaku. Namun, konflik kepentingan tidak selalunya dapat dielakkan. Sekiranya tidak mungkin atau tidak praktikal untuk mengelakkan konflik kepentingan, Warga Profesional itu mesti memaklumkan kepada pihak atasan dan/atau pasukan Sumber Manusia agar situasi itu boleh diatasi dan langkah yang perlu boleh diambil.

Dasar Global tentang Konflik Kepentingan menerangkan dengan lebih terperinci peraturan tentang perkara yang dianggap sebagai konflik kepentingan dan cara bertindak yang wajar dalam kes tersebut.

Contoh lazim situasi yang menimbulkan konflik kepentingan ialah:



Menggaji ahli keluarga atau rakan.



Mempunyai kepentingan kewangan dalam syarikat yang bersaing dengan Applus+ atau yang merupakan klien atau pembekal kepada Kumpulan.



Melaksanakan sebarang aktiviti berbayar yang berkaitan dengan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Applus+, di samping kerja yang dilakukan di Applus+.



Menyediakan sebarang perkhidmatan lain kepada klien Applus+ apabila perkhidmatan itu telah dimudah cara oleh perlaksanaan kerja sebelumnya oleh Applus+ untuk klien tersebut atau apabila perkhidmatan tersebut menghalang warga profesional Applus+ daripada menjalankan fungsinya di Applus+ dengan keobjektifan dan kesaksamaan yang sepautnya; melainkan telah diarahkan untuk berbuat demikian.



Menggunakan pekerjaan kita dalam syarikat Applus+ untuk mendapatkan peluang perniagaan atau perdagangan untuk manfaat sendiri.

Sesetengah tindakan di atas mungkin dibenarkan mengikut dasar dalaman yang berkaitan dan Dasar Konflik Kepentingan itu sendiri.

5.16. Penggunaan sumber Applus+

Sebagaimana yang diwujudkan dalam [Dasar Kumpulan tentang penggunaan sumber IT, akaun e-mel korporat merupakan hak milik Syarikat dan oleh itu tidak sesuai untuk penggunaan persendirian](#). Sebarang penggunaan akaun e-mel korporat untuk tujuan peribadi membentuk penepian privasi kandungannya.

Sumber IT (seperti PC, komputer riba, tablet, telefon, akses Internet dan sistem komunikasi lain) yang disediakan oleh Applus+ untuk penggunaan Warga Profesionalnya adalah untuk penggunaan profesional dan hanya boleh digunakan untuk isu peribadi apabila penggunaan tersebut tidak mengganggu pelaksanaan aktiviti profesional. Dalam sebarang kes, **Applus+ berhak untuk mengawal penggunaan kemudahan IT ini, termasuk komunikasi yang dibuat pada masa dahulu, sentiasa mematuhi undang-undang dan/atau dasar dalaman yang terpakai.**

Warga Profesional yang mempunyai akaun e-mel korporat hendaklah sentiasa menggunakan akaun itu dalam komunikasi profesional mereka bagi pihak Applus+.

Penggunaan fail dan perisian luaran mendedahkan keselamatan kita kepada risiko dan mungkin mendatangkan sekatan jenayah dan sivil yang penting kepada Applus+. Oleh itu, **sebarang muat turun atau penggunaan perisian tanpa kebenaran, sebarang muat turun kandungan tidak wajar atau sebarang tindakan yang melanggar hak harta intelektual dengan itu adalah dilarang.**

Sumber Applus+ yang lain hanya boleh digunakan untuk membangunkan aktiviti kita semata-mata dan dalam sebarang kes tidak sekali-kali untuk kegunaan peribadi. Semua Warga Profesional Applus+ mesti menjaga sumber yang diuntukkan kepada mereka dengan sewajarnya dan mesti mengelakkan kerosakan, kecurian atau sebarang penggunaan sumber tersebut yang tidak wajar.



Applus⁺

www.applus.com

Together
beyond
standards